

Tiba masanya ubah budaya 1rumah 1amah

MUKADIMAH

JENUH sungguh kelmarin dan semalam apabila staf-staf *Utusan Malaysia* di pejabat editorial Putrajaya menerima panggilan bertalu-talu daripada pemanggil.

**DARI
PUTRAJAYA**

Topiknya berkisar komen-komen pro dan kontra terhadap pelaksanaan cuti rehat sehari seminggu dan hak memegang pasport kepada pembantu rumah warga negara Indonesia.

Penat melayan mereka, wartawan **ZULKIFLI JALIL** segera menghubungi Pengarah Eksekutif Persekutuan Majikan-Majikan Malaysia (MEF), Shamsuddin Bardan. Rasanya beliau lebih maklum dan tahu perihal dan kerentah pembantu rumah asing ini.

“Saya fikir sudah tiba masanya rakyat Malaysia mengubah budaya penjagaan anak-anak kita,” katanya sambil meminta pembaca akhbar ini merenung inti pati temu bual di bawah.

UTUSAN: Berkuat kuasa serata-merta (semalam) amah warga Indonesia kini boleh cuti rehat sehari dalam seminggu dan dibenarkan simpan pasport sendiri. Apa kata MEF?

SHAMSUDDIN: Kelonggaran ini bermakna ia akan meningkatkan kos para majikan kerana pastinya pembantu rumah mereka akan diminta bekerja pada hari rehat terutama Ahad. Dalam sebulan, bermakna ada empat hari majikan kena bayar lebih pada mereka. Dan semasa sehari cuti rehat ini tentunya pembantu rumah ini akan keluar menemui kawan-kawannya. Di sini kita kena ingat, kawannya tidak sahaja kalangan wanita tetapi lelaki juga. Ini sekali gus akan meningkatkan masalah sosial dan kebarangkalian ramai pembantu rumah akan mengandung (anak luar nikah) tidak boleh dielakkan. Lagi pun, budaya fitnah akan berleluasa. Katakan dia mengandung, kemungkinan si suami (majikan) akan dituduh atau difitnah dalam insiden ini.

Bagaimana pula dengan kebenaran mereka untuk pegang pasport sendiri?

SHAMSUDDIN: Risikonya agak besar. Mereka dengan mudah lari dari kita (majikan). Sedangkan ketika tiada cuti rehat dan pasport dipegang oleh majikan ketika ini pun ramai yang lari, inikan pula selepas ini. Masalah orang gaji lari akan meruncing. Risikonya juga kalau kita laporkan kepada Jabatan Imigresen mereka ini lari, majikan dikenakan penalti sebanyak RM250. Ini tidak adil sebab majikan tidak ada kuasa hendak halang mereka lari. Bila lari, susahlah majikan kerana nak bawa pembantu rumah masuk pun dikenakan kadar sekitar RM7,000 hingga RM8,000 seorang.

Jadi, pasport ini ibarat kawalan undang-undang ke atas pembantu rumah?

SHAMSUDDIN: Ya, kalau pasport disimpan oleh mereka, kita nak ‘pegang’ apa untuk pastikan dia bekerja dengan kita sehingga tamat kontrak. Katakan kita sudah bayar levi kepada pekerja dan tidak tahu pekerja akan lari, maka sepatutnya menjadi tanggungjawab kerajaan untuk pulangkan jumlah (baki) levi yang tidak digunakan majikan. Katakan kita bayar levi sekitar RM400, kalau hanya setengah tahun sahaja pekerja itu bersama kita, maka jumlah levi yang tidak digunakan, perlu diserahkan balik. Ini tidak, ‘hangus’ sahaja.

Adakah dengan kelonggaran ini, majikan perlu berbuat sesuatu?

SHAMSUDDIN: Saya fikir sudah tiba masanya kerajaan memandang serius dengan menujuhkan pusat jagaan kanak-kanak di setiap kawasan komuniti di seluruh negara. Kalau ibu bapa menghantar lebih dari seorang anak ke pusat ini, keluarga itu harus diberikan diskoun. Ini sebagai daya tarikan. Jadi, kalau kita bayar setahun dalam RM10,000, kita (ibu bapa) perlu diberi peluang untuk menuntut RM20,000 sebagai perbelanjaan yang dibenarkan. Contohnya kalau kita diberi pelepasan saraan diri dalam cukai pendapatan sebanyak RM8,000, ibu bapa juga patut diberi insentif berkenaan.

Kalau majikan ber subsidi kepada pekerjanya untuk menghantar anak ke pusat jagaan, maka majikan harus diberi insentif cukai.

Apa saranan MEF kepada institusi keluarga di Malaysia?

SHAMSUDDIN: Kita kena ubah budaya 1rumah 1amah pada masa ini. Kalau kita dapat tukar, kita pastinya tidak perlukan lebih 300,000 pembantu rumah asing. Realitinya dengan perkembangan pusat-pusat jagaan kanak-kanak, ia sekali gus akan memberi peluang pekerjaan kepada graduan-graduan kita. Malah melatih anak tempatan menjadi usahawan yang berjaya.



SHAMSUDDIN BARDAN